

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 10 OGOS 2017

MUKA SURAT: 16

## Kerajaan bina 241,595 unit rumah mampu milik

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 241,595 buah rumah mampu milik dibina di seluruh negara dari tahun 2009 sehingga April lepas, kata Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Beliau berkata, jumlah itu meliputi 21.7 peratus daripada sasaran sebanyak 1.1 juta rumah mampu milik yang mahu dibina oleh kerajaan untuk golongan berpendapatan rendah.

“Sebanyak 634,295 rumah mampu milik masih dalam proses pembinaan manakala 256,138 unit lagi dalam proses mengenal pasti tapak pembinaan,” katanya ketika menjawab soalan **Khalid Abdul Samad (Amanah-Shah Alam)** pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Sementara itu, kepada soalan **Datuk Seri Hasan Arifin (BN-Rompin)**, Noh berkata, pihaknya sentiasa menjalankan proses saringan serta mengenakan syarat ketat iaitu pemohon mesti berpendapatan tidak melebihi RM3,000 sebulan.

“Permohonan rumah mampu milik itu akan dihantar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri terlebih dulu sebelum mempamerkan nama mereka dalam masa dua minggu untuk proses bantahan,” katanya. – Bernama